

Jenis Akhbar : Berita Harian

Tarikh : 07/08/2018

Edisi / Muka Surat : Nasional / 61

Tajuk : ANGKASA Lantik Timbalan, Naib Presiden Baharu

# ANGKASA lantik timbalan, naib presiden baharu

**Angkatan** Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd (ANGKASA) melantik Datuk Kamarudin Ismail sebagai Timbalan Presiden ANGKASA menggantikan Mutadho Bahri yang meletak jawatan secara sukarela pada 1 Julai lalu.

Jawatankuasa Tadbir Kebangsaan ANGKASA yang bermesyuarat pada 1 Ogos lalu memilih Kamarudin yang sebelum ini memegang jawatan Naib Presiden ANGKASA.

Pada mesyuarat itu juga Pengurus Jawatankuasa Perhubungan ANGKASA Kelantan, Datuk Che Shukree Che Isa dipilih untuk mengisi kekosongan kerusi Naib Presiden ANGKASA.

Presiden ANGKASA, Datuk Abdul Fattah Abdullah, dalam kenyataan berkata, kedua-dua

tokoh yang dipilih itu mempunyai pengalaman dan pengetahuan luas dalam bidang koperasi dan juga perjalanan pentadbiran ANGKASA.

## Pengalaman, pengetahuan luas

“Kamarudin yang juga pemegang Ijazah Pendidikan (TESL) dari Universiti Edinburgh, Scotland dipilih sebagai Ahli Lembaga Pengarah Ikatan Koperasi Antarabangsa (ICA) global bagi sesi 2017-2021 pada Persidangan Global dan Mesyuarat Agung ICA di Kuala Lumpur, November tahun lalu.

“Beliau yang menyertai ANGKASA pada 2012 sebagai Naib Pengurus, turut memegang jawatan sebagai Ahli Lembaga Koperasi Antarabangsa (ICA), Ahli Lembaga Pengarah MyANGKASA Holding Sdn Bhd, Ahli Lembaga Pengarah



Kamarudin Ismail



Che Shukree Che Isa

MyANGKASA Services Sdn Bhd dan MyANGKASA Bina Sdn Bhd serta beberapa jawatan pengurusan tertinggi ANGKASA,” katanya.

Sementara itu, Che Shukree pula adalah pemegang Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer dari Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan menerima Sijil Pengurusan Pentadbiran dari Universiti Harvard.

Beliau adalah Ahli Lembaga Koperasi Wawasan Malaysia Bhd (KOWAMAS) dan Ahli Lembaga Pengarah MyANGKASA Bina Sdn Bhd.

Che Shukree menyertai ANGKASA pada 2011 sebagai ahli lembaga Jawatankuasa Perhubungan ANGKASA Kelantan dan kemudiannya dipilih sebagai Pengurus Jawatankuasa Perhubungan ANGKASA Kelantan.

Perpustakaan Koperasi  
Malaysia ANGKASA